

majlis penyampaian

malaysia good design mark 2016



MRM

oleh

YB DATUK SERI
MENTERI SAINS

18 April 2017



From left, Datuk Prof Dr Ahmad Hj Zainuddin, Chairman of Malaysia Design Council, Wira, Radzaif, Azlan Othman, Chief Designer of Proton, Datuk Seri Dr Mohd Azhar Hj Yahaya, Secretary General in Ministry of Science, Technology & Innovation.

Proton Perdana terima Anugerah Malaysia Good Design Mark

Oleh AFIQ MOHD. SHAH
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 19 April - Proton Holdings Berhad mengumumkan Proton Perdana serba baharu telah diiktiraf dalam Anugerah Malaysia Good Design Mark oleh Majlis Reka Bentuk Malaysia (MDC).

Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Ahmad Fuaad Kenali berkata, Perdana serba baharu yang telah dilancarkan secara rasmi pada 14 Jun tahun lalu telah menerima pengiktirafan tersebut berdasarkan reka ben-

tuk terbaik bagi produk lengkap yang dibangunkan dan dikeluarkan oleh tenaga tempatan.

Katanya, kejayaan tersebut membuktikan keupayaan Proton dalam mereka bentuk dan menghasilkan kereta mampu milik serta berdaya saing bagi keselesaan pengguna.

"Kami sangat teruja dengan pengiktirafan daripada MDC kepada model Perdana yang merupakan penghargaan kepada usaha berterusan dalam pembangunan kereta tersebut.

"Anugerah ini tentunya menyuntik semangat kepada Proton

untuk bekerja lebih keras dalam menyediakan kereta dengan rekaan dan kejuruteraan yang lebih baik kepada pelanggan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Anugerah tersebut dimenangi Perdana untuk kategori Kawasan Umum dan Kenderaan yang telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Radzaif Mohamed pada majlis yang berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam semalam.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kiri) menyampaikan Anugerah Malaysia Good Design Mark kepada Radzaif Mohamed sambil disaksikan Pengerusi MDC, Datuk Prof. Dr. Ahmad Zainuddin (kiri) dan Ketua Pereka Bentuk Proton, Azlan Othman (dua dari kanan) di Shah Alam, kelmarin.

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4 TARIKH : 20 APRIL 2017 (KHAMIS)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tengah) bersama para penerima pengiktirafan Malaysia Good Design Mark 2016 di Pusat Konvensyen Shah Alam, Shah Alam semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

Reka bentuk antara kunci kejayaan transformasi negara

SHAH ALAM 19 April - Bidang reka bentuk diyakini mampu memainkan peranan besar bagi merealisasikan hasrat kerajaan melaksanakan transformasi negara dalam pelbagai sektor pada masa depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Matias berkata, bidang itu merupakan salah satu kunci kepada kemajuan sesebuah negara kerana ia dijana melalui perkembangan idea serta aspirasi rakyat melibatkan sesuatu perka-

ra sama ada dalam sektor ekonomi, teknologi, kemasyarakatan, budaya dan alam sekitar.

Malah katanya, perkembangan bidang itu turut bertepatan dengan usaha kerajaan melaksanakan Transformasi Nasional 2050 (TN50) untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan terbaik di dunia dalam tempoh 30 tahun akan datang.

"Di Singapura sebagai contoh, bidang reka bentuk sendiri menyumbang RM6.7 bilion nilai Keluaran Dalam Negara Kasar

(KDNK) republik itu selain menjana 30,000 peluang pekerjaan pada tahun 2013 dan saya percaya Malaysia juga ada kemampuan yang sama," katanya dalam majlis pengiktirafan Malaysia Good Design Mark (MGDM) 2016 di Shah Alam Convention Center (SACC) di sini malam tadi.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

MGDM merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan melai-

fui Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM) bagi memperakui serta mengiktiraf pencapaian sektor perindustrian melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan berterusan dalam mempertingkatkan produk baharu.

Dalam majlis itu, sebanyak 32 produk hasil rekaan dan keluaran daripada 22 syarikat tempatan berjaya menerima pengiktirafan dengan Panasonic Malaysia muncul sebagai syarikat yang menerima Anugerah Khas MGDM 2016.